



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 16 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA TIDAK BANYAK IMPORT MAKANAN DARI IRAN, NEGARA, KOSMO-8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	CABINET TO DISCUSS IMPACT OF GLOBAL TENSIONS ON FOOD IMPORTS, NATION, NST-8	
3.	MALAYSIA WASPADA KONFLIK IRAN-ISRAEL BERI KESAN KEPADA BEKALAN MAKANAN, NASIONAL, SH-4	
4.	'IRAN SITUATION WON'T IMPACT FOOD SUPPLY', NATION, THE STAR-4	
5.	ISU HARGA MINYAK, RANTAIAN MAKANAN DIBINCANG MINGGU INI, NASIONAL, BH-4	
6.	UPM ANJUR PERSIDANGAN KETERJAMINAN MAKANAN, PENDIDIK, BH-20	
7.	PKMK 2025 PERKUKUH PERTANIAN, KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA, KAMPUS, KOSMO-22	
8.	DOF P.PINANG PERIKSA SETAHUN SEKALI, DALAM NEGERI, UM-5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	PUBLIC URGED TO HAVE DOMESTIC PETS MICROCHIPPED, NATIONAL, THE SUN-4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
10.	APLIKASI KHAS PERMUDAH NELAYAN TUNTUT MINYAK SUBSIDI, LOKAL, HM-18	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
11.	MALAYSIA'S FOOD SECURITY AT RISK, NATION, THE STAR-10	LAIN-LAIN
12.	PENTERNAK IKAN RUGI RM16,000 AKIBAT PARASIT, DALAM NEGERI, UM-30	
13.	BIMBANG POPULASI TINGGI IKAN BANDARAYA DI SUNGAI SKUDAI, DALAM NEGERI, UM-10	
14.	DESTINASI WAJIB PENGGEMAR NANAS, NASIONAL, SH-23	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2025	KOSMO	NEGARA	8



MOHAMAD ketika melawat ladang ternakan lembu PPN Perak Kampung Tengah di Beruas semalam.

Malaysia tidak banyak import makanan dari Iran

BERUAS – Malaysia tidak bergantung tinggi hasil pertanian atau makanan daripada Iran yang sedang berdepan situasi perang dengan Israel disebabkan kesan rantaian sekatan ekonomi kuasa Barat terhadap negara berkenaan.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu bagaimanapun berkata, pihaknya tetap memantau keadaan tersebut dalam memastikan sekiranya konflik Iran-Israel itu merebak ke negara-negara lain yang membekalkan hasil pertanian dan makanan kepada Malaysia.

“Import makanan kita tidak tinggi (dari Iran). Yang banyak dari India dan Pakistan.

“Ini kerana Iran menghadapi sekatan (ekonomi). Kalau ada yang import daripada Iran pun, adalah melalui pihak ketiga seperti Dubai.

“Antara import dari Iran seperti kurma dan kekacang,” katanya selepas mengadakan lawatan ke ladang ternakan lembu Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Perak Kampung Tengah di sini semalam.

Sementara itu, dalam lawatannya, Mohamad berkata, pihak kementerian akan membantu ladang ternakan tersebut yang mempunyai hampir 500 ekor lembu dalam membina pusat sembelihan dengan harapan dapat meningkatkan produktiviti projek.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2025	NST	NATION	8

Cabinet to discuss impact of global tensions on food imports

BERUAS: The impact of geopolitical conflicts on oil prices and food import supply is expected to be discussed by the cabinet, said Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said tensions between major powers have affected global oil market prices, which, in turn, impact the cost of food imports from countries like India, Pakistan and China.

"We have not discussed the conflicts in depth, but I believe their effects on Malaysia will be raised during next Wednesday's cabinet meeting.

"I do not know the official agenda yet, but I am certain the matter will be addressed," he said after visiting the Perak Farmers Organisation's cattle farm project in Kampung Tengah here yesterday.

Mohamad said the Iran-Israel conflict is of particular concern due to its potential to spread to other countries.

"At the moment, importing goods from Iran is difficult due to sanctions. Most transactions have to go through third-party

countries, such as Dubai."

Despite facing more than four decades of sanctions, Mohamad said, Iran has made significant technological progress, especially in defence.

"This should challenge us. Iran has advanced despite sanctions. We are not under sanctions, yet there are many areas that we need to improve."

He said imports from Iran include dates, carpets and household goods.

Mohamad said the government was committed to protecting food security, especially amid global political and economic uncertainties.

On the effects of the current heatwave on padi cultivation, he said 60 per cent of the country's rice production remained unaffected.

But adjustments to the padi planting schedule might be needed, he said, depending on instructions from the authorities and consultations with the Muda Agricultural Development Authority and the Kemubu Agricultural Development Authority.



Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu (right) receiving a souvenir from a representative of the Perak Farmers Organisation during his visit to its cattle farm project in Kampung Tengah, Beruas, yesterday. BERNAMA PIC

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	4

Malaysia waspada konflik Iran-Israel beri kesan kepada bekalan makanan

BERUAS - Malaysia mengambil pendekatan berwaspada terhadap kemungkinan kesan konflik berterusan antara Iran dan Israel terutama dari segi impak ekonomi dan rantaian bekalan makanan negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, meskipun jumlah import makanan dari Iran tidak begitu tinggi, kerajaan tetap memantau situasi tersebut secara dekat.

Menurutnya, situasi tersebut perlu diberikan perhatian kerana dibimbangi akan merebak ke beberapa negara lain.

"Setakat ini, kita belum bincang secara terperinci kerana perang itu masih belum dapat ditentukan arah tujuannya

sama ada akan berakhir atau semakin merebak ke negara-negara lain.

"Namun yang pasti, harga minyak sudah mula meningkat dan ia pasti akan memberi kesan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas meninjau Projek Ternakan Lembu Fidlol dan Integrasi Pertubuhan Peladang Negeri Perak (PPN) di Ladang Kampung Tengah di sini pada Ahad.

Mohamad berkata, ketika ini import bekalan makanan Malaysia bergantung kepada India, China, Pakistan, Timur Tengah dan negara-negara di Asia Tenggara.

Sementara itu, beliau yakin isu berkenaan dijangka dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet akan datang.

"Saya yakin, mungkin Perdana Menteri

akan memasukkan isu ini dalam agenda mesyuarat.

"Ini kerana ia berkait rapat dengan ekonomi global dan kemungkinan memberi kesan kepada negara kita," ujarnya.

Jelas Mohamad, walaupun Malaysia ada mengimport beberapa barangan dari Iran seperti kurma, karpet, kekacang dan sedikit minyak sawit, namun jumlahnya tidak signifikan disebabkan kekangan sekatan ekonomi terhadap negara berkenaan.

Katanya, sekatan ekonomi terhadap Iran sejak lebih 40 tahun lalu menyukarkan urusan perdagangan secara langsung malah kebanyakan barang yang diimport dari negara itu terpaksa melalui pihak ketiga.

'Iran situation won't impact food supply'

BERUAS: Malaysia is not heavily dependent on food imports from Iran, and as such, the situation does not impact the country's food supply, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He explained that Malaysia's food import requirements from Iran are limited to dates and legume products, which are not among the country's primary food commodities.

"Most of our food imports from Iran are not high. Most of our imports are from India, Pakistan, the Middle East, China and Asean

countries," he told a press conference after visiting a Perak Farmers' Organisation cattle rearing project yesterday, Bernama reported.

Asked about the impact of the current hot weather on padi crops, Mohamad said that so far, 60% of the country's padi production remain unaffected.

However, he said, adjustments to the padi planting schedule may be necessary based on discussions with the Muda Agricultural Development Authority and the Kemubu Agricultural Development Authority.

"Sometimes we need to change

the schedule a little, depending on weather conditions and suitability," he said.

Mohamad also said the ministry will assist the livestock farm, which he visited yesterday, in building a slaughterhouse to help increase the farm's productivity.

It currently houses about 500 animals.

"We have set a target to achieve a meat self-sufficiency level of more than 30% by 2030, compared to 20% currently.

"With the developments we are seeing now, we are confident about reaching the goal," he said.



All smiles: Mohamad (centre) visiting a Perak Farmers' Organisation cattle rearing project in Kampung Tengah, Beruas, Perak. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2025	BERITA HARIAN	NASIONAL	4

Isu harga minyak, rantai makanan dibincang minggu ini

Beruas: Isu peningkatan harga minyak dan gangguan rantai import makanan negara akibat konflik Iran-Israel akan dibincangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri minggu ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata konflik ketenteraan beberapa negara besar menjejaskan harga pasaran minyak global, sekali gus memberi kesan kepada kos makanan yang diimport Malaysia dari India, Pakistan dan China.

“Kita belum bincang secara mendalam mengenai isu perang yang sedang berlaku, namun

saya menjangka perkara berkaitan kesannya kepada Malaysia turut dibawa ke mesyuarat Kabinet pada Rabu akan datang,” katanya pada sidang media selepas melawat Projek Ternakan Lembu Pertubuhan Peladang Negeri di sini, semalam.

Mohamad berkata, konflik Iran-Israel menjadi perhatian kerana ada risiko merebak ke negara lain.

“Ketika ini, import dari Iran sukar kerana negara itu dikenakan pelbagai sekatan. Banyak urusan terpaksa dibuat melalui negara ketiga seperti Dubai,” katanya.

Namun, beliau berkata, wa-

laupun Iran sudah berdepan sekatan lebih 40 tahun, negara itu tetap mampu mencapai kemajuan teknologi yang signifikan, termasuk dalam bidang pertahanan.

“Ini seharusnya menjadi cabaran buat kita. Iran disekat tetapi berjaya bangun dan maju. Kita yang tidak disekat, mengapa masih ketinggalan dalam banyak perkara?” katanya.

Mohamad menegaskan kerajaan akan mencari pendekatan terbaik bagi memastikan keterjaminan makanan negara tidak terjejas terutama dalam keadaan ekonomi dan politik dunia tidak menentu.

UPM anjur persidangan keterjaminan makanan

Serdang: Institusi pengajian tinggi (IPT) disaran untuk tidak hanya melahirkan graduan pertanian sebagai pengurus ladang sebaliknya membentuk penikir strategik dan inovatif yang memahami industri serta cabaran global.

Pakar ekonomi dan sumber, Profesor Emeritus Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, berkata IPT tidak boleh tertumpu kepada jawatan pengurusan ladang.

"Kita perlukan graduan yang berfikir kritis, celik teknologi, dan bersedia memimpin transformasi sektor makanan dengan nilai kelestarian.

"Pensyarah dan penyelidik juga memainkan peranan penting dalam ekosistem ini dengan menggabungkan pengalaman penyelidikan dan pendidikan industri sebar ke dalam proses pengajaran.

Hal ini katanya, penting dalam usaha pelajar bukan sahaja memahami teori, tetapi turut mampu mengaplikasikannya dalam konteks sebenar di lapangan.

Dr Mad Nasir berkata demikian dalam Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan 2025 (PKMK2025) yang berlangsung selama dua hari minggu lalu di UPM.

Terdahulu, Naib Canselor UPM Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah dalam ucapan semasa persidangan itu berkata, PKMK kali ini adalah kesinambungan daripada kejayaan edisi terdahulu dan berperanan sebagai platform utama negara dalam membincangkan isu-isu semasa, dasar serta cabaran berkaitan keterjaminan makanan.

"Menerusi kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM),

dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) serta Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 yang menekankan keperluan kepada sistem agromakanan mampan dan inovatif.

Sementara itu Anjas Asmara berkata, selain menjadi platform perbincangan dasar dan kolaborasi, PKMK2025 juga memberi tumpuan kepada penabitan belia dalam sektor pertanian serta penerapan pendakatan baharu seperti pertanian pintar.

"Sebelum ini pihak industri ada menyuarakan kebimbangan bahawa graduan pertanian, termasuk dari UPM, kurang cakna terhadap aspek pertanian pintar.

"Oleh itu kami sudah merang-



Mad Nasir Shamsudin

ka satu program baharu iaitu Sarjana Muda Pertanian Teknologi Pinar yang bertujuan melahirkan graduan berkemahiran tinggi dalam teknologi moden serta mampu menyumbang secara efektif kepada peningkatan kecekapan sektor pertanian," katanya.

Beliau berkata, program itu direka bagi membolehkan pelajar diserap terus ke dalam industri sebaik sahaja tamat pengajian, dengan kemahiran mengendalik teknologi terkini yang digunakan dalam sektor pertanian dan keterjaminan makanan.

"Golongan muda kini lebih berminat dan cepat menguasai teknologi berbanding petani sedia ada yang kebanyakannya berusia 50 tahun ke atas. Oleh itu, pertanian pintar menjadi medium terbaik untuk menarik minat mereka menceburi sektor ini," katanya.

BERNAMA

PKMK 2025 perkukuh pertanian, keterjaminan makanan negara

Radius Kampus

Oleh FARID AHMAD TARMUJI

SERAMAI 686 peserta berhimpun bagi membincangkan hala tuju dasar pertanian serta keterjaminan makanan negara sempena Persidangan Keterjaminan Makanan Kebangsaan (PKMK 2025) anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) menerusi Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS).

Naib Canselor UPM, Datuk Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd. Sadullah berkata, pengumuman PKMK 2025 merupakan kesinambungan kejayaan edisi terdahulu dan menjadi platform terbaik untuk membincangkan isu-isu semasa serta memperkukuh keterjaminan makanan negara.

UPM beriltizam untuk terus memacu kecemerlangan dalam bidang pertanian, teknologi makanan dan keterjaminan makanan.

"Universiti ini komited membantu kerajaan menangani isu ketidakstabilan bekalan makanan serta kenaikan harga yang memberi kesan kepada rakyat dan ekonomi negara," katanya.

Tambah beliau, UPM telah menubuhkan NEXUS@UPM, sebuah pusat koordinasi strategik yang berperanan sebagai pemikir utama dalam bidang pertanian masa depan serta keterjaminan makanan negara.

Melalui pendekatan berasaskan bukti, teknologi dan inovasi sosial, NEXUS@UPM memastikan setiap dasar dan program berkaitan keterjaminan makanan dilaksanakan secara mampan, adil dan berimpak tinggi.

Persidangan tersebut mendapat



ARTHUR (tiga dari kiri) turut melancarkan QarboGrow yang merupakan penyelidikan antara UPM dan Syarikat Qarbotech Sdn. Bhd., di UPM, Serdang baru-baru ini.

sokongan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (PKKM). Ia dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup baru-baru ini di UPM, Serdang, Selangor.

Pada majlis yang sama, beliau turut melancarkan QarboGrow yang merupakan penyelidikan antara UPM dan Syarikat Qarbotech Sdn. Bhd. iaitu inovasi penggalak fotosintesis oleh penyelidik Fakulti Kejuruteraan dan Institut Nanosains dan Nanoteknologi UPM, Prof. Ir. Ts. Dr. Suraya Abdul Rashid.

Dalam pada itu, Pengarah ITAFoS UPM, Prof. Dr. Anjas Asmara@Ab. Hadi Samsudin berkata, persidangan ini mengukuhkan kolaborasi antara institusi awam, swasta, industri dan komuniti selain meneroka potensi penyelidikan serta produk agromakanan yang lestari dan

berimpak tinggi.

"Ini sekali gus memperkukuh UPM sebagai pusat rujukan utama dalam bidang inovasi keterjaminan makanan, perladangan lestari dan pengembangan pertanian tropika.

"Malah, ini akan menyumbang kepada pembentukan sistem agromakanan negara yang lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global," jelasnya.

PKMK 2025 telah menarik penyertaan pelbagai pihak termasuk penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), usahawan, pelajar siswazah serta pemain industri makanan dan pertanian.

Antara pengisian utama persidangan ialah ucapan dasar dan sesi plenari iaitu perkongsian ilmu serta penyelidikan terkini berkaitan pertanian dan keterjaminan makanan.

Selain itu, pembentangan hasil

penyelidikan dan sesi forum panel yang membincangkan mengenai isu semasa, cabaran serta hala tuju dasar pertanian dan keterjaminan makanan negara.

Sementara itu, Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Nor Sam Alwi berkata, hasrat untuk transformasi sektor pertanian perlu mengambil kira hakikat bahawa masih ramai petani kecil yang kekurangan modal untuk melabur dalam teknologi moden.

"Kebanyakan petani-petani kita berada di tahap rendah dalam menguasai penggunaan teknologi kerana majoriti petani berumur 50 tahun ke atas masih aktif dalam sektor pertanian demi kelangsungan hidup.

"Kekurangan tenaga fizikal menyukarkan mereka untuk meningkatkan produktiviti serta menyesuaikan diri dengan penggunaan teknologi baharu dalam bidang pertanian," ujarnya dalam pembentangan PKMK 2025.

Selain itu, petani yang tergolong dalam kelompok berpendapatan rendah atau tidak mampu, kekangan modal menjadi penghalang utama untuk mengakses teknologi moden dan input pertanian berkualiti.

Nor Sam berkata, Jabatan Pertanian menggalakkan petani-petani untuk menghasilkan inovasi sendiri bagi mereka mengatasi masalah yang dihadapi.

"Pengiktirafan akan diberikan kepada mereka melalui program inovasi yang dianjurkan oleh pihak kami dan inovasi tersebut boleh dimanfaatkan oleh petani lain yang kurang berkemampuan bagi membantu meningkatkan hasil serta pendapatan mereka.

"Kami juga menekankan pentingnya kolaborasi antara petani, pakar dan pihak agensi bagi memastikan inovasi tersebut memberi impak positif jangka panjang kepada komuniti pertanian," katanya.

PKMK 2025 telah menarik penyertaan pelbagai pihak termasuk penggubal dasar, ahli akademik, penyelidik, agensi kerajaan, NGO, usahawan, pelajar siswazah serta pemain industri makanan dan pertanian.



DOF P. Pinang periksa setahun sekali

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamail.com.my

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mendapati Jabatan Perikanan (DOF) di Pulau Pinang gagal melakukan tugas penguatkuasaan sewajarnya dalam mengambil tindakan terhadap bot-bot pukat tunda.

Perkara itu hasil siasatan berhubung aduan terhadap DOF Pulau Pinang melibatkan isu kegagalan dalam mengambil tindakan terhadap pencerobohan bot-bot pukat tunda Zon B ke Zon A.

Menurut EAIC, lawatan dan pemeriksaan ke pangkalan penguatkuasaan DOF Pulau Pinang di Batu Maung hanya dilaksanakan sekali dalam tempoh setahun.

Katanya, DOF Pulau Pinang gagal melakukan pemantauan sewajarnya terhadap pegawai atau anggota penguat kuasa di bawah seliaannya dalam melak-

kan kepada pihak pengurusan tertinggi DOF Pulau Pinang yang terlibat atas kegagalan melaksanakan pemantauan secara berkesinambungan.

"Syor hukuman tatatertib terhadap pegawai yang gagal memastikan butiran Buku Log Penguatkuasaan direkodkan dengan teratur. SOP aduan/siasatan/operasi DOF perlu ditambah baik mengenai aduan-aduan yang menyertakan rakaman video sebagai bukti," katanya.

Pada masa sama, EAIC menyarankan pelaksanaan kursus latihan atau kursus penambahbaikan secara menyeluruh kepada DOF Pulau Pinang.

Ini meliputi aspek pemahaman dan pematuhan terhadap SOP, Garis Panduan, Dasar, Arahan Tetap serta prosedur berkaitan tatacara penguatkuasaan, operasi dan pelesenan DOF.

Mingguan *Malaysia* semalam mendedahkan, kira-kira 102,746 nelayan pantai yang memiliki

48,440 sampan dan bot kecil berdepan risiko ancaman nyawa setiap hari, berikutan kes pencerobohan bot pukat tunda terus berlaku tanpa ada tindakan penyelesaian konkrit.

Mengikut peraturan, bot pukat tunda tidak boleh memasuki Zon A (kawasan kurang lima batu nautika dari pesisir pantai) termasuk bot nelayan dari negeri lain juga tidak boleh menceroboh sempadan negeri masing-masing.

Menurut Timbalan Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Mohd. Faizal Mohd. Zabri, kegiatan pencerobohan ini semakin berleluasa seolah-olah tidak ada penguatkuasaan dilakukan atau pihak berkuasa hanya menutup mata bagi kesalahan yang dilakukan.

Katanya, pihak berkuasa perlu melakukan siasatan atas setiap aduan dan mengambil tindakan mengikut undang-undang ditetapkan.



Log Penguatkuasaan direkodkan dengan lengkap dan teratur oleh pegawai yang bertanggungjawab," katanya kepada *Urusan Malaysia* di sini semalam.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan merujuk hasil siasatan melibatkan isu itu kepada ketua jabatan DOF.

Dalam hal ini, EAIC mencadangkan surat teguran diberi

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

16/6/2025

UTUSAN
MALAYSIA

DALAM
NEGERI

5

Public urged to have domestic pets **microchipped**

➤ Move seen as sign of responsible ownership, in addition to supporting efforts to manage animal welfare in communities

■ BY KIRTINEE RAMESH
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The Veterinary Services Department (VSD) is calling on pet owners to microchip their animals, describing it as a vital step in addressing the stray population and protecting domestic pets.

As of May, over 25,800 pets have been microchipped nationwide.

Under Malaysian law, all pets – specifically dogs and cats – must be identified and registered.

VSD confirmed that microchipping remains the standard method, with every registered pet issued an Animal Identification Card under the Animal Passport System.

"Microchipping is more than a safety measure; it's a sign of responsible ownership," said VSD veterinary officer Dr Salina Amad Bugis.

"It helps reunite lost pets with their families and supports broader efforts to manage animal welfare in our communities."

While any registered veterinarian can carry out the procedure, only VSD officers and authorised vets are permitted to issue the official ID card.

The procedure is quick, minimally invasive and carries rare health risks.

To increase accessibility, VSD regularly offers subsidised microchipping programmes during national events such as World Rabies Day, World Veterinary Day and the Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show as well as state-level initiatives.

In May, Malacca VSD conducted an outreach campaign in Sungai Udang, offering rabies awareness and microchipping services to household pets.

VSD is also working with certified clinics to provide microchipping during regular vet visits,



The department is also working with certified clinics to provide microchipping during regular vet visits, aiming to simplify registration for pet owners. – ADIB RAWI YAHYA/THESUN

aiming to simplify registration for pet owners.

"Although microchipping alone won't eliminate the stray issue, it is a key part of a broader strategy involving vaccination, education and animal control," Salina said.

Globally and locally, microchipping has proven effective in reducing lost pet cases and improving reunification rates.

"As responsible pet owners, it is our duty to ensure the safety, health and well-being of our animals," she added. "Get your pet microchipped and registered at your nearest VSD office or authorised veterinary clinic. Together, we can build a more compassionate and accountable pet-owning community."

Meanwhile, an animal welfare advocate warned that gaps in enforcement and registration are limiting the effectiveness of the system.

Malaysian Animal Welfare Association president Mukunnam Sugumaran described microchipping as essential yet underutilised due to a lack of central oversight.

"Microchipping is a simple, safe procedure that costs about RM100 and should be seen as part of responsible pet ownership. But I've

personally rescued dogs with microchips only to find their data missing from any registry," he said.

Mukunnam noted that not all shelters or adoption centres microchip the animals they release, which can lead to abandonment cases in which owners deny responsibility.

"Too often, when pets are dumped, there's no way to trace the owner. The law can't act if there's no evidence," he said, pointing to Section 29(1)(d) of the Animal Welfare Act, which makes abandonment a punishable offence.

To date, no one has been charged under the clause due to the lack of traceable records.

Mukunnam called for a unified national registration system, better enforcement and clearer legal frameworks.

"Microchipping should be mandatory, not optional. Every shelter, rescue group and pet owner has a role to play in proper registration," he said.

He urged government agencies, local councils and NGOs to collaborate in building a more structured and enforceable microchipping system.

16/6/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

18

Aplikasi khas permudah nelayanuntut minyak subsidi

Bachok: Kerajaan beradang memperkenalkan aplikasi khas di telefon bimbit untuk memudahkan nelayan membuat tuntutan minyak subsidi.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, langkah itu juga bagi menyahut sara-nan kerajaan mendigitalkan golongan nelayan dengan teknologi terkini.

Katanya, sebelum ini nelayan membeli petrol atau diesel di stesen minyak dengan menunjukkan kad pengenalan dan akan diimbas

"Sehingga kini 10,358 bot menerima manfaat subsidi diesel dan 20,556 bot menerima subsidi petrol"

Pengerusi LKIM,
Muhammad Faiz
Fadzil

menggunakan alat peranti pembantu digital peribadi (PDA) bagi membeli bahan bakar itu.



MUHAMMAD FAIZ (tengah) mengisi minyak sebagai gimik perasmian di Pantai Batu, Bachok. - Gambar NSTP/NOR AMALINA ALIAS

"Kemudahan ini akan memudahkan penerima faedah iaitu nelayan yang membeli minyak petrol contohnya dengan harga RM1.65 daripada harga semasa petrol RM2.05.

"Sehingga kini 10,358 bot menerima manfaat subsidi diesel dan 20,556 bot menerima subsidi petrol seluruh Malaysia," katanya ketika ditemui di Majlis Rahmah Mesra Madani bersama nelayan Kelantan dan Perasmian Portable Container System (PCS) Pertubuhan Nelayan Kawas (PNK) Bachok di Pantai

Baru, Melawi di sini, semalam.

Faiz berkata, menerusi sistem baru itu, mereka mudah untuk mengawal selia bantuan yang disalurkan kepada nelayan selain memantau jumlah hasil tangkapan yang perlu disyihar nelayan yang menerima subsidi.

Katanya, setiap jumlah bantuan subsidi ini berbeza bergantung kepada jenis enjin bot yang digunakan nelayan.

"Kita jangka aplikasi ini boleh digunakan pada hujung tahun ini," katanya.

Malaysia's food security at risk

Report shows low self-sufficiency levels for key produce

By SHAFIQ DZULKIFLI
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysia's food security goals are falling short, with data showing the country remains heavily dependent on imports for key produce like beef, mutton, cabbage and chilli.

Latest data from the 2024 Agriculture Census Interim Report showed that the self-sufficiency level (SSL) for cattle and buffalo meat stood at just 15.9% in 2023, far below the 35.5% projected under the National Agrofood Policy 2.0 (DAN 2.0) and well short of its 50% target by this year.

This is due to small-scale cattle operations and a lack of local breeding stock, said Universiti Putra Malaysia's Agriculture Faculty dean Prof Dr Loh Teck Chwen.

"Malaysia currently lacks suffi-

cient breeders and parent stock for cattle, which is why we continue to import beef to meet domestic demand.

"This dependence on imported beef drives up prices. Beef now costs around RM35 per kilogram, which is increasingly unaffordable for many households."

Loh said the livestock sector faces multiple structural constraints, including the rising cost of imported feed such as corn and soy, limited land availability and labour shortages.

Agricultural economist Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin said despite attempts to integrate livestock rearing in oil palm plantations, uptake from estate operators remains weak.

"We have about nine million hectares of oil palm and there is a huge potential to integrate livestock rearing under oil palm plantations.

"But response from plantation

owners hasn't been encouraging."

Other livestock categories show similar under-performance.

The SSL for sheep and goat

meat remained stagnant at 10.6%

in 2023, from 10.9% in 2018.

The report also highlighted

shortfalls in some vegetable pro-

duction like round cabbage and

chilli, falling below the 50% SSL

threshold, although both have

shown improvement over the

years.

The self-sufficiency level for

round cabbage increased to 41%

in 2023, up from 38.7% in 2018.

Chilli rose to 37.1% from 31.9%

over the same period, indicating

that nearly two-thirds of local

demand still relies on imports.

According to the Agriculture

and Food Security Ministry's web-

site, a total of RM27.59bil had

been allocated to support the agri-

culture industry since 2021.

Loh said there is urgency to

attract youths into modern farm-

ing as it is a major concern that many farmers are ageing.

"We need to make agriculture

more attractive or in other words,

'sexy,'" he said, acknowledging

that many young people pre-

ferred office jobs or flexible gig

work over traditional farming.

"There's a prevailing negative

perception of agriculture that

must be addressed."

According to Prof Mad Nasir,

three strategic pillars must be

prioritised, namely policy inter-

vention, technology adoption and

facility support.

"Return on investment for food

security should not be viewed in

ringgit and sen alone.

"Food production delivers

social returns which ensure

national stability and access to

food in times of crisis," he said.

He said that technology, while

widely promoted in recent gov-

ernment initiatives, had yet to see

widespread uptake.

Despite the availability of modern farming tools and systems, he said their adoption remained limited due to gaps in human capital and entrepreneurship.

"We need to treat food production as a business, operated by skilled entrepreneurs who can scale and innovate.

"Look at the oil palm industry and how advanced it has become. More than 70% of production comes from plantations.

"The plantations are commercialised with estate managers, high-tech systems and large listed companies," he added.

Prof Mad Nasir said supportive infrastructure and financing are equally essential to the transformation.

He urged financial institutions to become more approachable and responsive.

"We must offer grants and facilities to empower the next generation of agricultural entrepreneurs."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Penternak ikan rugi RM16,000 akibat parasit

KUALA NERUS: Penternak ikan air tawar di Kampung Jeram Hilir, Sungai Nerus di sini, berdepan kerugian apabila ikan keli diserang parasit yang menyebabkannya mati, sejak Februari lalu.

Seorang penternak, Mohd. Shah Abdul Ghani, 44, berkata, sehingga kini dianggarkan 12,000 ekor ikan keli yang ditenaknya di enam sangkar mati dan terpaksa menanggung kerugian lebih RM16,000.

“Parasit menyerang bahagian mulut dan badan ikan menyebabkan ternakan yang kurang antibodi mati. Ikan yang ada sekarang pun hanya menunggu masa untuk mati kerana semakin lemah.

“Sebelum ini saya cuba merawat ikan secara tradisional iaitu merendam ikan di dalam air daun ketapang namun tidak semua dapat diselamatkan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*, di sini.

Mohd. Shah berkata, kemungkinan keadaan benih dan air sungai menjadi salah satu sebab penyakit parasit itu menyerang ikan ternakannya itu.

Namun, katanya, tidak semua penternak mengalami masalah seperti ini.

“Pengusaha yang mengusahakan ternakan ikan sangkar secara kecil-kecilan tidak begitu terkesan. Jika keadaan berterusan, saya akan membersihkan sangkar dan memasukkan benih baharu bulan depan,”katanya.

Katanya, buat masa sekarang, setiap hari dia terpaksa menangguk ikan keli yang mati di sangkarnya.

“Setiap pagi saya akan ke sangkar untuk membuang ikan keli yang mati,” katanya yang merupakan antara peserta dipilih dalam Program Sejati Madani bagi penternakan ikan dalam sangkar yang dilaksanakan akhir tahun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	10



IKAN bandaraya yang berjaya ditangkap di Sungai Skudai, Kampung Pertanian, Kulai, Johor. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Bimbang populasi tinggi ikan bandaraya di Sungai Skudai

KULAI: Sebanyak 158 kilogram (kg) ikan tombot atau lebih dikenali sebagai ikan bandaraya berjaya ditangkap dalam aktiviti gotong-royong memerangi spesies ikan invasif di Sungai Skudai, Kampung Pertanian, Kulai di sini semalam.

Aktiviti dua jam yang berlangsung bermula pukul 10 pagi itu diketuai pengarah projek, Afif Azmi dan melibatkan penyertaan aktif komuniti Kampung Pertanian serta mahasiswa dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) serta Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Menurut Afif, program berkenaan merupakan kali kedua diadakan selepas aktiviti pertama pada Februari lalu

yang berjaya menangkap lebih 300kg ikan bandaraya sekali gus membuktikan populasi spesies tersebut masih tinggi dan mengancam ekosistem sungai.

"Ikan bandaraya ini bukan sahaja bersaing dengan ikan tempatan seperti keli, patin dan lampam untuk mendapatkan makanan malah ia memakan telur ikan-ikan ini sehingga mengancam kelangsungan spesies asli sungai," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambahnya, aktiviti berkenaan turut memberikan insentif RM1 bagi setiap satu kg tangkapan kepada peserta sebagai galakan penyertaan.

Katanya, program yang dinamakan *Fish to Feed* itu bertujuan memberi kesedaran

kepada masyarakat setempat, khususnya golongan muda, terhadap ancaman spesies invasif seperti ikan bandaraya yang semakin berleluasa di sungai-sungai negara.

"Pembiakan berterusan ikan bandaraya memberi impak negatif kepada ekosistem kerana ia bukan sahaja mengganggu populasi ikan asli, tetapi juga merosakkan struktur tanah sungai yang menyebabkan hakisan dan perubahan aliran air," jelasnya.

Sementara itu, penduduk Kampung Pertanian menyambut baik pengumuman program dan berharap aktiviti berkenaan diteruskan bagi memulihara sungai dan ikan air tawar tempatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	23

Destinasi wajib penggemar nanas

MD2 Botanic Cafe & Resort destinasi agro pelancongan tawar pengalaman unik kepada pengunjung

Oleh WAN MOHD NOOR
HAFAZ WAN MANSOR
CHANGKAT

Bagi pencinta buah nanas, MD2 Botanic Cafe & Resort adalah lokasi yang wajib anda kunjungi di Jalan Sungai Kechik, Changkat Setul di sini.

Terletak kira-kira 25 kilometer (km) dari Pekan Jitra dan 45 km dari Bandaraya Alor Setar, lokasi ini bukan sekadar ladang nanas, tetapi sebuah destinasi agro pelancongan yang menawarkan pengalaman unik kepada pengunjung.

Idea menubuhkan ladang nanas ini tercetus ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19, apabila pemiliknya, Uzir Abi Majid, 67, beralih daripada bidang kontraktor kepada pertanian.

Bermula dengan 10,000 benih nanas pada tahun 2020, beliau kini mengusahakan lebih 100,000 pokok nanas jenis MD2, madu kaca dan jambul emas, menjadikan lokasi ini salah satu ladang nanas yang menjadi tarikan kerana ditanam di sekeliling bukit-bukau yang menghijau.

"Di ladang berkeluasan lebih enam hektar ini, selain tanaman nanas, terdapat kafe yang memfokuskan kepada makanan yang berasaskan buah nanas seperti



Penyelia ladang nanas MD2 Botanic Cafe & Resort, Ahmad Ashraf Mohd Zabawi menunjukkan buah yang telah dituai dan dijual di kafe tersebut.

ais krim, tat nanas, jus dan banyak lagi. Kafe ini baru beroperasi pada 2024 dan kini dalam proses naik taraf re-sort, surau dan kolam renang.

"Kafe atas bukit pula baru sahaja beroperasi pada awal Mei yang menawarkan pemandangan indah kehijauan ladang nanas dan juga pokok serta bukit-bukau di sekeliling kawasan ini," katanya.

Jelas Uzir, buah nanas dari MD2 Botanic Cafe & Resort dikenali kerana kemanisannya yang luar biasa.

Menurutnya, rahsia keistimewaan ini terletak pada tanah mineral dan cuaca panas yang panjang di Kedah membantu menghasilkan buah lebih manis, warna menarik dan isinya bersinar.

"Keistimewaan ini turut diakui oleh pelancong tempatan yang

datang dari luar Kedah. Mereka mengakui rasa buah lebih segar dan manis. Di sini memang kemi mengutamakan penjagaan kualiti tanaman di ladang dari segi baja dan racun yang diluruskan oleh orang anak dan menantu saya," ujarnya.

MD2 Botanic Cafe & Resort turut menawarkan masakan panas seperti hidangan Thailand, Cina dan tempatan, termasuk kari, sup, ikan, daging, bihin dan laksa.

Tambah Uzir, kafe di atas bukit ini diuruskan isterinya, Siti Salbiah Dali, 52, menawarkan pemandangan memukau ladang nanas terbentang luas yang mampu menampung kapasiti sehingga 150 orang dalam satu masa serta sesuai untuk mereka yang ingin bersantai sambil menikmati udara segar.

"Kemudahan lain seperti surau, kolam renang serta dewan seminar yang mampu menampung 160 orang turut sedang dalam proses naik taraf bagi menjadikan resort ini lebih selesa dan lengkap untuk pelancong.

"Kami juga dalam perancangan menawarkan perkhidmatan buggy bagi membawa pengunjung ke kafe di puncak bukit. Ini bukan sahaja memudahkan perjalanan, tetapi juga menambah elemen keseronokan dalam lawatan ke ladang nanas ini," katanya lagi.

Semarak Tahun Melawat Kedah 2025

Sementara itu, Exco Pelancongan Kedah, Datuk Salleh Saidin dalam lawatan ke kafe tersebut sebelum ini ber-



Keunikan MD2 Botanic Cafe & Resort menjadikannya antara destinasi menarik yang bakal menyemarakkan Tahun Melawat Kedah 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.



Uzir dan Siti Salbiah menunjukkan antara menu masakan panas yang disajikan di kafe mereka.

kata, keunikan MD2 Botanic Cafe & Resort menjadikannya antara destinasi menarik yang bakal menyemarakkan Tahun Melawat Kedah 2025 dan Tahun Melawat Malaysia 2026.

"Kedudukannya di atas bukit seperti menanti anda dengan pemandangan indah dan suasana nyaman yang sukar diungkap," ujarnya.

Seorang pelancong tempat-

an, Afifah Mokhtar, 35, yang datang bersama keluarganya dari Merbok, Sungai Petani mengakui tertarik dengan konsep yang diketengahkan kafe tersebut.

Menurutnya, bagi penggemar nanas yang tinggal di sekitar negeri utara boleh datang menikmati keindahan alam dan kehijauan di sini sambil merasa hidangan berasaskan buah tersebut.



Uzir dan isterinya, Siti Salbiah menunjukkan pemandangan kafe dari atas bukit.